

Retreat PPUMS Bersama BSM



LE MERIDIEN, 25-26 JUN 2012 – Seramai 18 orang pegawai dikalangan Kumpulan Pegawai Pengurusan dan Profesional yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Eksekutif PPUMS Sesi 2011/2013 telah mengadakan Retreat Pembangunan Sumber Manusia 2012-2014 : Peranan Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) Bersama Bahagian Sumber Manusia.

Retreat yang bermula pada 2.30 petang tersebut terlebih dahulu dimulakan dengan ucapan aluan daripada Presiden PPUMS, En No'man Datuk Hj Ahmad. Dalam ucapan tersebut beliau melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kepada Bahagian Sumber Manusia kerana memberi peluang PPUMS dalam

menyumbangkan idea dan pandangan untuk menambahbaik Program Pembangunan Profesional Berterusan dan Pengurusan Bakat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) UMS.

Taklimat Program Pembangunan Profesional Berterusan dan Pengurusan Bakat telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Sumber Manusia (BSM), En Luqman Ridha Anwar sebelum perbincangan lanjut bersama PPUMS diadakan untuk memberi gambaran yang lebih jelas berkaitan program tersebut.

Modul latihan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (bukan akademik) digubal berdasarkan Pelan Penggantian Universiti Malaysia Sabah adalah resolusi telah dicapai dalam perbincangan diantara BSM dengan PPUMS.